

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MAJLIS PERASMIAN**

**PROGRAM KARNIVAL JUALAN
KELUARGA MALAYSIA DAN SUKAN
PERPADUAN UMMAH SAUJANA UTAMA**

25 SEPTEMBER 2022 (AHAD)

9:00 PAGI

**MASJID SAUJANA UTAMA, SUNGAI
BULOH, SELANGOR**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam sejahtera dan
Salam Keluarga Malaysia

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA MAJLIS]

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya, Karnival Jualan Keluarga Malaysia dan Sukan Perpaduan

Ummah Saujana Utama anjuran
ANGKASA Negeri Selangor, Masjid
Saujana Utama, Koperasi Kariah Masjid
Saujana Utama Sungai Buloh Berhad,
Kawasan Rukun Tetangga Saujana
Utama 2, Persatuan Penduduk Saujana
Utama 2 dan NGO-NGO, sempena
sambutan bulan kemerdekaan dan

Hari Malaysia dapat dianjurkan dengan jayanya.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian Yang Berbahagia Datuk, Datin, Tuan dan Puan hadir ke program

selama 2 hari ini untuk bersama-sama memeriahkan program ini.

3. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur yang berjaya melaksanakan program ini. Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk

membentuk pemikiran dan membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia dalam apa jua sektor mereka ceburi seperti digariskan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Seperti yang kita sedia maklum, sejak hampir dua (2) tahun yang lalu, industri peruncitan di negara ini mengalami masa yang sangat mencabar akibat pandemik COVID-19. Inilah masa yang terbaik untuk kita semua kembali merencanakan perniagaan dengan tawaran-tawaran

menarik pada harga berpatutan, yang bukan sahaja dapat membantu masyarakat setempat mendapat barang asas tetapi juga menyokong usaha kerajaan meringankan kos sara hidup masyarakat.

5. Usaha ini merupakan langkah strategik yang patut dipuji dalam usaha merencanakan aktiviti ekonomi dan sosial melalui penglibatan pelbagai pertubuhan komuniti. Ianya juga selaras dengan prinsip koperasi menggalakkan usaha kolabrative

untuk pencapaian bersama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya.

6. Seperti yang kita sedia maklum, sumbangan sektor peruncitan ini adalah sangat signifikan kepada pemulihan ekonomi negara. Suka saya ingin memaklumkan bahawa

berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia yang terkini, prestasi Sektor Perdagangan dan Pengeedaran bagi bulan Februari 2022 telah merekodkan nilai jualan berjumlah RM48.8 billion iaitu pertumbuhan sebanyak 10.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Saya

percaya pencapaian ini dapat dipertingkatkan lagi dengan sokongan dan kerjasama semua pihak khususnya sektor peruncitan koperasi dan rakyat Malaysia amnya.

7. Untuk makluman, melalui program BA100, ANGKASA tidak

ketinggalan untuk terlibat dalam karnival jualan harga patut di seluruh Malaysia. Sepanjang tahun ini, BA100 telah menyertai 44 karnival seperti Hari Koperasi Negara, Bulan Koperasi Kebangsaan, Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, Karnival Keluarga Koperasi, EKSKOM, Sambutan Hari Guru Negara,

Jualan Harga Patut Koperasi BA100 dengan jumlah jualan melebihi RM1 juta (RM1,072,847.05).

8. Ini tidak termasuk 35 Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di Selangor dan Perak yang sedang dijalankan di mana BA100

berperanan membekalkan barang-barang kepada koperasi yang terlibat dengan program ini, dengan nilai RM80,000 untuk setiap karnival yang akan dijalankan di sembilan (9) siri di setiap DUN.

Hadirin yang dihormati sekalian

9. Dalam menyediakan kerangka ekosistem keusahawanan di Malaysia, sektor koperasi harus menyumbang dalam:

- a) Pembinaan dan pembangunan koperasi.
- b) Keusahawanan golongan muda melalui koperasi siswa.

- c) Pembangunan keusahawanan di peringkat asas.
- d) Membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat selaras dengan teras Strategik 1 Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030).

10. Sejalan dengan itu, ANGKASA mengambil inisiatif memperkenalkan Program BA100 bagi memperkasa perniagaan dan menjana ekonomi koperasi. Ia sebagai usaha berterusan untuk menggerakkan perniagaan koperasi terutama menawarkan

penjualan barangan asas dengan harga berpatutan.

11. Projek BA100 dapat memberikan manfaat sosioekonomi kepada gerakan koperasi dan masyarakat khususnya anggota koperasi selain menjadi sebahagian

daripada usaha kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat.

12. Akhir kata, ANGKASA akan sentiasa berusaha membantu membangunkan perniagaan koperasi melalui pelbagai program bagi memastikan koperasi dapat

memberikan sumbangan yang berkesan kepada komuniti dan turut menyumbang kepada KDNK negara.

Dengan Lafaz Bismillahhirahmanirahim,
saya merasmikan PROGRAM KARNIVAL
JUALAN KELUARGA MALAYSIA DAN

SUKAN PERPADUAN UMMAH SAUJANA
UTAMA.

Sekian, wabillahi tawfiq wal hidayah
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.